LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** bagi melaksanakan kerja-kerja berikut :

PERKHIDMATAN PERLINDUNGAN INSURANS HARTA TAK ALIH LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) MULAI 1 JANUARI 2027 HINGGA 31 DISEMBER 2027

NO. SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TARIKH PENJUALAN DOKUMEN	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT SEBUT HARGA	HARGA SENASKAH DOKUMEN (RM)	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
FAMA/BSH 165/2026	**221801**	**02/11/2026 hingga 09/11/2026**	**TIADA**	**RM 50.00**	**10/11/2026 (sebelum 12:00 tengahari)**

2. Pembekal-pembekal hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih **sah** tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen.
   i) SIJIL PENDAFTARAN SYARIKAT (SSM)
   ii) SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

3. Bayaran dokumen sebut harga boleh dibuat secara **ATAS TALIAN** melalui sistem SPEED atas nama **LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)**. Wang ini tidak akan dikembalikan. **Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.**

4. Dokumen sebut harga boleh didapati pada waktu pejabat (8.30 pagi - 4.30 petang) **di alamat seperti di bawah. Dokumen tawaran tidak akan dijual selepas tempoh ini**.

5. **Pembekal yang berminat DIWAJIBKAN menghadiri taklimat sebut harga seperti alamat di atas. WAKIL SYARIKAT adalah TIDAK DIBENARKAN untuk menghadiri taklimat sebut harga dan membeli dokumen.** Hanya **PEMILIK SYARIKAT / PENAMA YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan pengambilan dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN dan SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** untuk pengesahan. **Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak dan taklimat sebut harga tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh FAMA semasa menghadiri taklimat sebut harga.**

6. **Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.**

7. **FAMA** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **FAMA** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

8. Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. sebut harga** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti sebut harga** seperti alamat di bawah :

SERAHAN SECARA DALAM TALIAN MELALUI SISTEM SPEED
https://www.speed2u.my/welcome

Sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga jam 12:00 tengahari

9. Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup sebut harga tidak akan diterima dan ditolak.

10. Setiap kontraktor/pembekal hendaklah berdaftar dengan SPEED dan memilih pasaran FAMA sebelum membeli dokumen sebut harga.

11. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi FAMA di talian 03-6126 2020 sambungan Unit Perolehan atau emel unitperolehan@fama.gov.my.